

**KENYATAAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**30 OGOS 2019**

---

**1. PERTUKARAN PENGARAH PESURUHJAYA BANGUNAN  
(COB) MPSP**

MPSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Norlizawati binti Sidek, Pengarah Pesuruhjaya Bangunan (COB) yang akan bertukar ke Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Ipoh, Perak berkuatkuasa 2 September 2019. Beliau telah berkhidmat selama 2 tahun di Majlis Perbandaran Seberang Perai. Semoga beliau terus berkhidmat dengan cemerlang di agensi baharu.

**2. SELAMAT MENYAMBUT MAAL HIJRAH 1441H**

Awal Muharram atau Maal Hijrah merupakan suatu hari yang penting bagi umat Islam kerana menandakan peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah Islam iaitu memperingati penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W. dari Kota Makkah ke Kota Madinah pada tahun 622M. Kesempatan ini saya ingin

mengucapkan Selamat Menyambut Hari Awal Muharram 1441 Hijrah iaitu bersamaan 1 September 2019 (Ahad). Oleh itu, keesokan harinya merupakan hari kelepasan am.

### **3. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE-62**

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang Ke-62 pada 31 Ogos 2019 (Sabtu) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari cuti umum. Tema 'Sayangi Malaysiaku : Malaysia Bersih' telah dipilih sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan 2019. Tema tersebut dipilih bertujuan memupuk dan menerapkan nilai integriti dan jati diri rakyat Malaysia yang bersih dan tinggi. Sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini dijalankan di Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth. Sehubungan itu, diharapkan semua warga Seberang Perai terutamanya pemilik premis perniagaan, premis pejabat dapat menghias premis mereka dengan mengibarkan Jalur Gemilang. Kerjasama daripada semua pihak didahului dengan ucapan terima kasih.

#### **4. SELAMAT MENYAMBUT HARI MALAYSIA PADA 16 SEPTEMBER**

Dimaklumkan Hari Malaysia akan disambut pada 16 September, pada setiap tahun untuk memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia di mana Sabah dan Sarawak telah menyertai Malaysia pada 1963. 16 September 2019 merupakan hari Isnin dan hari tersebut merupakan hari cuti umum. Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Malaysia kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang . Saya berharap waktu yang terluang ini dapat digunakan sebaik mungkin.

#### **5. PEMASYHURAN HARI BANDARAYA MPSP**

Dimaklumkan Majlis Perbandaran Seberang Perai akan dinaiktaraf menjadi Majlis Bandaraya Seberang Perai pada 16 September 2019. MPSP akan mengadakan program selama 30 hari dari tarikh Perisytiharan MBSP. Antaranya :

TARIKH	PERKARA / TEMA	PROGRAM
16 September 2019 (Isnin)	<b>Hari Pengisytiharan dan Pemahsyuran Datuk Bandar</b>  <b>(Khidmat Pengurusan)</b>	<b>Majlis Pengisytiharan MBSP dan Penyerahan Watikah Pelantikan Datuk Bandar</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyerahan Surat Cara Pengisytiharan Bandaraya oleh Ketua Setiausaha KPKT kepada TYT</li> <li>• Pengumuman Pengisytiharan Bandaraya oleh TYT</li> <li>• Pengumuman Pelantikan Datuk Bandar oleh YAB Ketua Menteri</li> <li>• Istiadat menerima dan mengangkat sumpah jawatan Datuk Bandar</li> <li>• Tandatangan Akuan Terima Jawatan oleh Datuk Bandar disaksikan oleh YAB Ketua Menteri</li> <li>• Istiadat Datuk Bandar menerima Kalung Datuk Bandar dan Cokmar daripada TYT.</li> </ul>
		Sesi Datuk Bandar Bersama Ahli Majlis dan Ketua Jabatan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ucapan Datuk Bandar</li> </ul>
17 September 2019 (Selasa)	<b>Hari Bandaraya</b>	Pelancaran Seberang Perai Strategic Direction To A Smart Sustainable City "How Do We Plan To Deliver Strategic Services Within Three Months Attaining City Status"
		Pengiktirafan kepada agensi yang terlibat dalam bantuan bencana banjir November 2017
		Majlis Penyampaian Hadiah Aspiring Seberang Perai Photography Awards 2019.
		<b>MOU Kerjasama Strategic</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. UCLG</li> <li>2. UPSI</li> <li>3. USM</li> <li>4. UMK</li> <li>5. THINKCITY</li> <li>6. SPIRIT OF PERAI</li> <li>7. AUTOCITY</li> <li>8. JCI BATU KAWAN</li> <li>9. LIONS CLUB</li> <li>10. TAMAN BAGAN LALLANG</li> <li>11. PERMATANG NIBONG</li> <li>12. AADK</li> </ol>
		MBSP Tower Tour

		Sukan Ahli Majlis bersama Kakitangan (Futsal Padang)
		Pertandingan memasak
		Pelancaran pencahayaan upcycle  - <i>Carnival Food Truck</i>
18 September 2019 (Rabu)	<b>Hari Mesra Pelanggan (Siri 6/2019)</b>	Pengurangan kompaun Tempat Letak Kereta selama sebulan dengan syarat pelanggan perlu isi alamat harta, No. K/, e-mail, handphone, No. Permohonan boleh dibuat di kaunter atau online, kompaun TLK sebelum 2017, bangunkan sistem
		Pengurangan Kompoun BTK selama satu bulan TTK hari pelancaran dengan syarat pelanggan memohon kelulusan Plan Bangunan, masukkan k.p, email, h/phone pemunya. Bangunan sistem dan walk-in.
		Kelulusan serentak, permohonan buku panduan bangunan standard.
		Booth pameran
		Kelulusan serentak lesen tidak berisiko dalam skim
19 September 2019 (Khamis)		<i>Executive Talk</i> kepimpinan Tertinggi PBT Zon Utara Anjuran KPKT
20 September 2019 (Jumaat)	<b>Hari Kesejahteraan Bandar</b>	Doa selamat dan bacaan Yassin sempena Pengisytiharan Bandaraya
		Pameran kerjaya MPSP
		Gimik Perasmian lokasi Sudut Media
		Program <i>Housing Democracy</i> (Dirasmikan oleh YB Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)
		Suntikan typhoid dan lesen penjaja

		Ceramah Perdana SPT (Malam) Penceramah: Ustaz Dato' Badli Shah bin Alauddin Tajuk: Peralihan Tamadun: Perbandaran ke Bandaraya
21 September 2019 (Sabtu)	<b>Hari Warisan</b>	Persembahan kebudayaan, booth pameran, sembang-sembang warisan, Jabatan Keretapi Pinang Tunggal, Pameran GP Warisan dan Bangunan warisan Seberang Perai,
23 September 2019 (Isnin)	<b>Majlis Pemakaian Pingat Polis Bantuan MBSP</b>	Anugerah Pemakaian Pingat kepada Polis Bantuan oleh YBhg. Datuk Bandar/ CPO
24 September 2019 (Selasa)	<b>Program Penanaman Pokok Sempena Pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai</b>	Tanam Pokok 6,000 Batang Pokok
25 September 2019 (Rabu)	<b>Perasmian Penamaan Menara Bandaraya (City Tower)</b>	Program perasmian oleh Tuan Yang Terutama (TYT)
26 September 2019 (Khamis)	<b>Hari Kitar Semula Dan Upcycle</b>	Hari kitar semula bersama e-idaman dan komuniti
		Cabutan Bertuah Kitar Semula Warga MPSP
		Anugerah Wira Hijau Komuniti
	<b>Sempena Pengisytiharan Bandaraya</b>	<b>Malam Ceramah Perdana Penceramah: Ustaz Don Daniyal Tajuk : Ihsan : Kamu Melihat-Nya, Dia Melihat Kamu</b>
27 September 2019 (Jumaat)		Senam Sihat Pelepasan Anak Ikan

28 September 2019 (Sabtu)	<b>Hari Sukan</b>	Bowling antara jabatan
29 September 2019 (Ahad)		Festival Sungai Perai
30 September 2019 (Isnin)	<b>Jasamu Dikenang</b>	Hi Tea Jasamu Dikenang
1 Oktober 2019 (Selasa)	<b>Hari Kesayangan Haiwan</b>	Perasmian Paun Anjing dan Pemandulan
2 Oktober 2019 (Rabu)		Perasmian Pemberian Solar kepada SMK Berapit
	<b>Hari Sukan</b>	Pertandingan Bola Sepak Piala Datuk Bandar
3 Oktober 2019 (Khamis)		Declaration Of Zero Waste Community – Taman Bagan Lalang
	<b>Hari Sukan</b>	Pertandingan Bola Sepak Piala Datuk Bandar
4 Oktober 2019 (Jumaat)		Declaration Upcycle Community Permatang Nibong
	<b>Hari Sukan</b>	Pertandingan Akhir Bola Sepak Piala Datuk Bandar
5 Oktober 2019 (Sabtu)		Digital @ Seberang Perai
	<b>Hari Terbuka PUSKEB</b>	PUSKIDZANIA
6 Oktober 2019 (Ahad)	<b>City Council Car Free Morning</b>	Car Free Morning Bandaraya (8.00 pagi – 12.00 tengahari)

		I Love Penang Run
7 Oktober 2019 (Isnin)		Perhimpunan Korporat Bandaraya
8 Oktober 2019 (Selasa)		Perasmian City Dashboard
9 Oktober 2019 (Rabu)		Perasmian Call Center
10 Oktober 2019 (Khamis)	<b>Majlis Pemakaian Lencana Integriti Penguakuasa</b>	Majlis Pemakaian Lencana Penguakuasa Berintegriti
11 Oktober 2019 (Jumaat)		Majlis Cabutan dan Penyampaian Hadiah Promosi Cukai Taksiran Penggal 2/2019. <ul style="list-style-type: none"> <li>• 15 pemenang bagi kategori online/agensi</li> <li>• 5 pemenang bagi kategori kaunter</li> </ul>
12 Oktober 2019 (Sabtu)	<b>Muafakat Bandaraya / Gotong –Royong</b>	Pelancaran Muafakat Bandaraya. Program gotong-royong dan pendidikan kesihatan, pendidikan pengasingan dipunca, pencegahan denggi setiap minggu selama sebulan di beberapa lokasi, selama 6 bulan seluruh kawasan bandaraya covered, libatkan Ahli Majlis, MPKK, JPAM, Bomba, Pej Daerah, KKM, PDRM, TUDM, JKR, FFM, swasta, sekolah, institusi pengajian- tentukan kaedah pelaksanaan.
13 Oktober 2019 (Ahad)		Program Mesra Pelanggan
14 Oktober 2019 (Isnin)	<b>Hari Bersama Warga Emas</b>	Lawatan ke rumah kebajikan SPU (Tanam pokok dan <i>painting</i> )
15 Oktober 2019 (Selasa)	<b>Hari Derma Darah</b>  ()	Kempen derma darah dan Pemeriksaan Kesihatan

\* Tertakluk kepada pindaan

## 6. PROGRAM TEMASYA BANDARAYA BULAN

### SEPTEMBER 2019

Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Think City Sdn. Bhd. dengan kerjasama Zart Eventive akan menganjurkan Program Temasya Bagan di Padang Dato' Hj Ahmad Badawi, Butterworth pada 21 September 2019 (Sabtu). Temasya Bagan bulan September adalah bertemakan Temasya Bandaraya sempena Sambutan Majlis Bandaraya Seberang Perai. Program akan bermula pada jam 4.00 petang sehingga 11.00 malam. Temasya Bagan dilihat merupakan salah satu inisiatif dalam meremajakan semula Bandar Butterworth ke arah liveable city di Seberang Perai yang lebih ceria. Ia merupakan salah satu platform yang dapat membuka ruang kepada komuniti dengan pelbagai komponen *education and awareness* dari segi seni, budaya dan warisan tempatan selain memantapkan *Local Economic Development* (LED).

Program yang mengetengahkan konsep mesra keluarga dan santai ilmu ini akan dimeriahkan dengan pelbagai pengisian menarik seperti Pertandingan Nyanyian Bintang Cilik, Pertandingan Meniru Logo MBSP, Kuiz Bandaraya, Aktiviti

Memanah, Senamrobik, *Magic Show*, Persembahan *Live Band* serta pameran pelbagai agensi termasuk pameran kenderaan MBSP, perpustakaan bergerak dan klinik pergigian percuma. Terdapat juga gerai-gerai jualan makanan dan minuman. Semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program Temasya Bandaraya ini.

## **7. PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KE 2/2019**

Dimaklumkan bahawa Promosi Bayaran Cukai Taksiran bagi Penggal Kedua 2019 yang telah bermula pada 1 Julai 2019 dan akan berakhir pada 31 Ogos 2019.

Pembayar cukai taksiran yang masih belum menjelaskan cukai taksiran digalakkan untuk membuat bayaran dengan segera secara online di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau melalui agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Jawi.

Untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari **[www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my)** atau

hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790** atau e-mail di **waran@mpsp.gov.my** .

## **8. PENGENAAN NOTIS E-TAKSIRAN PADA 1 SEPTEMBER 2019**

Dimaklumkan bahawa 31 Ogos 2019 (Sabtu) merupakan hari terakhir pembayaran Cukai Taksiran Bagi Penggal Kedua 2019. Mulai 1 September 2019, caj Notis E-Taksiran sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Waktu operasi kaunter bayaran di Ibu Pejabat Menara MPSP, Bandar Perda akan dilanjutkan pada 30 Ogos 2019 (Jumaat) sehingga 8.30 malam. Kaunter bayaran akan ditutup pada 31 Ogos 2019 memandangkan ianya hari cuti umum sempena Hari Kebangsaan. Namun begitu, pembayar cukai masih boleh membuat urusan pembayaran secara online pada hari tersebut.

Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran supaya membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**. Bayaran boleh dibuat secara online di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau melalui agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP. Pembayar cukai juga boleh membuat

bayaran di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Jawi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**